



## Dalam Pembelajaran

Nursyazwani Zainul Abidin  
Pusat Pendidikan Tinggi

Perkembangan dan penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi atau lebih dikenali sebagai ICT (Information and Communication Technology), khususnya dalam pendidikan, bukan lagi sesuatu yang asing di Malaysia. Perkembangan ICT menjanjikan potensi besar, terutama dalam pendidikan, iaitu dengan mengubah cara seseorang belajar, cara memperoleh maklumat, cara menggunakan setiap maklumat, dan sebagainya. Seajar dengan perkembangan ICT dalam dunia pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah mengambil beberapa langkah dalam mengintegrasikan penggunaan ICT dalam proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) pada setiap peringkat sekolah serta institusi pengajian tinggi. Proses P&P yang berlaku merupakan elemen penting dalam meningkatkan pencapaian akademik pelajar.

Pembelajaran secara *Blended Learning* (BL) berasal daripada latihan korporat yang dilaksanakan dalam dunia perniagaan (Sharma & Barrett, 2007, Graham, Allen & Ure, 2003), ia telah berkembang dan diguna pakai dalam pendidikan seterusnya dalam pembelajaran dan pengajaran (MacDonald, 2006). Antara istilah lain yang berkaitan adalah “hybrid”, “mix-learning”, dan “B-learning”. Konsep BL ini adalah percampuran model pembelajaran tradisional (bersemuka) dengan pembelajaran secara dalam talian. Melalui BL, pelajar akan lebih aktif semasa proses pembelajaran serta dapat mencari cara belajar yang sesuai bagi diri mereka. Fungsi guru hanya sebagai mediator, fasilitator dan teman yang membuat keadaan pembelajaran lebih kondusif serta terkawal. Komunikasi antara pelajar dan guru adalah berbentuk dua hala iaitu pelajar serta guru boleh berkongsi ilmu serta dikawal oleh guru semasa proses pembelajaran. Konsep BL ini akan menambah baik model pembelajaran secara tradisional melalui penggunaan teknologi.

### Definisi Blended Learning

Konsep *Blended Learning* muncul pada abad ke-21 apabila konsep *e-learning* mula hilang kredibiliti (2007). Walaupun pada tahun 1990-an konsep *e-learning* adalah popular kerana fleksibiliti dan kelebihannya dan digunakan untuk menggantikan pembelajaran secara tradisional tetapi pelajar tidak bermotivasi dan pembelajaran *e-learning* tidak menyokong pembelajaran pelajar berikutan sistem tidak mesra dan sukar untuk digunakan dan pada masa itu pelajar tidak didedahkan dengan alat teknologi dan literasi komputer juga lemah (Caravan, 2007). Untuk mengatasi kelemahan *e-learning* dan pendekatan tradisional, pendidik mencari penyelesaian untuk mewujudkan persekitaran pembelajaran yang dengan mengintegrasikan pendekatan tradisional yang bersemuka dengan teknologi.

Pada peringkat awal, *Blended Learning* adalah campuran interaksi bilik darjah dan *e-learning*.

Kemudian dengan kemajuan teknologi, aktiviti pembelajaran di bilik darjah dengan penggunaan Internet dan digabungkan dengan persekitaran pembelajaran pelajar (Clark, 2001). Peterson (2003) merujuk *Blended Learning* (BL) sebagai gabungan pendekatan tradisional; bersemuka dengan pembelajaran berasaskan web dalam talian, gabungan media dan alat dalam persekitaran e-pembelajaran dan gabungan pendekatan pedagogi.

*Blended Learning* berasal daripada perkataan bahasa Inggeris *Blended* dan *Learning*. *Blend* membawa maksud campuran dan *Learning* bermaksud belajar. Daripada kedua-dua perkataan tersebut, dapat diketahui bahawa konsep *Blended Learning* ini merupakan percampuran pola atau cara belajar. Pola belajar yang dicampurkan adalah dua unsur utama iaitu pembelajaran di dalam kelas atau pembelajaran tradisional dengan pembelajaran secara dalam talian iaitu menggunakan komputer dan teknologi Internet. Menurut Thorne (2003), *Blended Learning* merupakan kombinasi teknologi multimedia seperti CD ROM, *voicemail*, e-mel dan *telephone conference*, animasi teks dengan pembelajaran dalam bentuk tradisional atau di dalam kelas.

Sloan Consortium (2007), menggunakan peratusan untuk membezakan kursus secara dalam talian, kursus pembelajaran campuran, dan kursus pembelajaran bersemuka (Face to face - F2F).

**Jadual 1 :**  
Istilah Taksonomi yang berkaitan dengan Blended (Sloan, 2007)

Peratusan Kandungan Secara dalam Talian	Istilah	Penerangan
0%	Tradisional	Pembelajaran tanpa menggunakan alat teknologi dan penyampaian ilmu secara penulisan dan bersemuka.
1 - 29%	'Web facilitated'	Pembelajaran yang menggunakan teknologi yang berasaskan <i>website</i> . Penggunaan 'Blackboard' atau 'WebCT' digunakan dalam menghantar sukatan pelajaran dan tugas kepada pelajar.
30 - 79%	'Blended / Hybrid'	Gabungan pembelajaran secara atas talian dan bersemuka. Sebahagian besar pembelajaran adalah secara atas talian seperti perbincangan dalam talian, menghantar tugas dan sukatan pelajaran serta pembelajaran secara bersemuka atau di dalam kelas juga diaplikasikan.
80% dan ke atas	'Fully online'	Pembelajaran sepenuhnya secara dalam talian dan tiada pembelajaran secara bersemuka atau di dalam kelas.

Penggunaan pembelajaran *Blended Learning* membolehkan pelajar untuk membuat pilihan tentang pembelajaran mereka dan dapat membantu pelajar untuk merancang dan melaksanakan pembelajaran mereka seperti dalam proses pembelajaran bahasa di luar bilik darjah melalui pembelajaran dalam talian. Oleh itu, pelajar boleh menggunakan teknologi untuk menerima nota kelas atau maklumat, mengambil penilaian dan berkomunikasi di mana sahaja.

### Potensi Pembelajaran dan Pengajaran Melalui Blended Learning

Sebelum kemunculan alat teknologi dan Internet, para pendidik dan guru-guru biasanya menggunakan



pendekatan tradisional untuk pengajaran mereka. Dalam pengajaran tradisional, pelajar biasanya belajar dari pendekatan pengajar yang dipimpin atau dalam erti kata lain pengajar dan pelajar belajar secara bersemuka di dalam kelas. Walau bagaimanapun, pendekatan tradisional masih mempunyai beberapa kelemahan dalam pengajaran dan pembelajaran dan digantikan dengan pembelajaran *Blended Learning*. Ternyata terdapat banyak perbezaan dalam cara pembelajaran tradisional dan *Blended Learning* seperti yang digambarkan di dalam Jadual 2 berikut.

**Jadual 2: Perbezaan Persekitaran Pembelajaran**

Persekitaran Pembelajaran Tradisional	Persekitaran Pembelajaran <i>Blended Learning</i>
Berpusatkan guru	Berpusatkan pelajar
Stimulasi satu deriaan	Stimulasi multideriaan
Satu media	Multimedia
Tugasan secara berasingan	Tugasan secara kolaboratif
Penyampaian maklumat	Perkongsi maklumat
Pembelajaran pasif	Pembelajaran aktif/penjelasan/pertanyaan
Pembelajaran berasaskan fakta	Pemikiran kritis dan pembikinan keputusan
Tindakan reaktif	Tindakan Proaktif

Sumber: Diubahsuai daripada Means, Barbara (ed) 1994. International Society for Technology Education. Jossey Bass Publishers, San Francisco.

Kombinasi pembelajaran tradisional dan pembelajaran secara dalam talian dalam proses pengajaran dan pembelajaran banyak membawa manfaat berbanding dengan cara pembelajaran tradisional. Antaranya adalah:

- Berupaya meningkatkan kefahaman dan penguasaan pelajar terhadap pelajaran.
- Memberi peluang pembelajaran yang sama kepada semua pelajar daripada pelbagai latar belakang dan keupayaan.
- Meningkatkan motivasi pelajar.
- Membolehkan pembelajaran secara bersendirian (*individualise learning*).
- Membolehkan pelajar mengakses maklumat yang sukar didapati.
- Membolehkan pelajar mengumpul maklumat yang memerlukan masa yang lama.

- Mewujudkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan dan mencabar.
- Membolehkan pelajar mencuba atau melakukan eksperimen yang sukar.
- Meningkatkan daya kreativiti dan imaginasi pelajar.
- Memberi peluang kepada pelajar meningkatkan prestasi sendiri secara berkesan dengan bimbingan yang minimum.
- Meningkatkan kemahiran ICT secara berterusan.

### Kelebihan dan Kekurangan *Blended Learning*

Pada masa kini, kebanyakan institusi akademik atau institusi pengajian tinggi menggunakan *Blended Learning* dalam menyampaikan kandungan dan bahan-bahan serta untuk tujuan komunikasi atau interaksi. Dengan kelebihan pembelajaran *Blended Learning* ini, ia telah diterima oleh para pendidik dan guru-guru untuk menggantikan pendekatan tradisional. Walaupun terdapat banyak kelebihan pembelajaran *Blended Learning*, terdapat juga beberapa kelemahan *Blended Learning* yang telah dikenal pasti dalam pengajaran dan pembelajaran. Kelebihan dan kelemahannya dinyatakan seperti berikut:


#### Kelebihan *Blended Learning* :

- Fleksibiliti tempat dan masa dalam penyampaian pembelajaran.
- Pembelajaran ini boleh dilakukan secara bersendirian dan berkumpulan serta saling melengkapi.
- Pembelajaran lebih efektif dan efisien.
- Meningkatkan kebolehpasaran untuk pelajar mengakses material pembelajaran dan maklumat.
- Pembelajaran ini dapat menjimatkan masa dan tempat serta pelajar lebih aktif semasa proses pembelajaran berlaku.

#### Kekurangan *Blended Learning* :

- Pelajar dan guru sukar untuk mengakses Internet atau laman web tertentu berikutan tidak semua sekolah dan kawasan dapat capaian Internet.
- Kekurangan kemudahan infrastruktur seperti peralatan komputer dan capaian ke Internet sama ada di rumah atau di tempat pengajian.

- c. Kekurangan tahap pengetahuan pelajar terhadap penggunaan teknologi.
- d. Setiap pelajar mempunyai pelbagai tahap persekitaran, umur dan tahap kemahiran dalam penggunaan komputer dan ini menyukarkan guru dalam menyediakan kaedah pembelajaran yang tepat mengikut tahap pelbagai pelajar.



## Kesimpulan

Sebagai kesimpulannya, ia menjadi tanggungjawab pendidik untuk mewujudkan persekitaran pembelajaran yang terbaik untuk pelajar mereka dalam mencapai matlamat pembelajaran dan matlamat. Pembelajaran *Blended Learning* dilihat sebagai salah satu persekitaran pembelajaran terbaik yang boleh dilaksanakan apabila kelebihannya dipertimbangkan. Walau bagaimanapun, pendekatan pembelajaran yang lain juga perlu dikaji semula dan dipertimbangkan untuk melengkapkan pembelajaran pelajar dan juga untuk memastikan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran. [OK](#)

## Rujukan

- Allen, I. E., Seaman, J., & Garret, R. (2007). *Blending in. The extent and promise of blended education in the United States*. Needham, MA: The Sloan Consortium.
- Barrett B., & Sharma P. (2007). *Blended Learning: using technology inside and beyond the language classroom*. Macmillan, UK.
- Dudeney, G., & Hockly, N. (2007). *How to... teach English with technology*. Harlow: Pearson Education Limited.
- Macdonald, J. (2006). *Blended learning and online tutoring*. Aldershot, Hampshire: Gower.
- Thorne, Kaye. (2003). *Blended learning: How to integrate online and traditional learning*. London : Kagan Page.